

6,000 kes pesakit buah pinggang setahun

Kota Bharu: Sebahagian besar daripada 18,600 pesakit yang menunggu pendermaan organ di seluruh negara membabitkan pesakit buah pinggang.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ Kebangsaan Tan Sri Lee Lam Thye berkata, setiap tahun 6,000 pesakit buah pinggang baru dilaporkan di negara ini yang memerlukan mereka menerima rawatan di pusat dialisis sama ada hospital atau klinik kerajaan dan swasta.

“Kita dapati terdapat 6,000 pesakit baru buah pinggang setiap tahun berbanding 2,000 pesakit bagi tempoh 10 tahun lalu. Kita boleh bayangkan ia menjadi masalah begitu serius.

“Kita perlu beri perhatian terhadap aspek penjagaan kesihatan diri dengan mengamalkan gaya hidup sihat termasuk dalam pemakanan harian,” katanya pada sidang media selepas menyerahkan sumbangan beg sekolah dan baucar pada program kembali ke sekolah untuk anak



LEE (tengah) berbual dengan sebahagian anak pesakit buah pinggang.

pesakit buah pinggang di Pusat Dialisis Amal MAA Medicare Kota Bharu di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 26 anak pesakit buah pinggang menerima rawatan di pusat dialisis itu yang menerima

sumbangan beg sekolah dan baucar RM50 seorang untuk membeli peralatan persekolahan.

Sinar Harian
4/12/14